A

Pendakwa Raya lwn Izzetin Nur Harritz bin Taha

B

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45A-92–08 TAHUN 2015
ZULKIFLI BAKAR H
14 MEI 2018

C

Keterangan — Saksi — Kegagalan memanggil saksi penting — Tertuduh didakwa atas kesalahan mengedar dadah — Pihak pendakwaan gagal memanggil saksi — Sama ada kegagalan memanggil saksi penting meninggalkan kelompangan dalam kes pendakwaan

D

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Pengedaran — Dadah dijumpai dalam bungkusan — Sama ada kes prima facie dibuktikan — Sama ada tertuduh mengetahui kewujudan dadah — Sama ada tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan pada bungkusan mengandungi dadah — Sama ada kegagalan memanggil saksi memprejudiskan tertuduh — Sama ada pembelaan dapat membuktikan keraguan munasabah — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(a)

E

Tertuduh di dalam kes ini dihadapkan dengan pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta tersebut') yang melibatkan kesalahan mengedar dadah berbahaya jenis kanabis seberat 992g. Pada 15 Januari 2015, Insp Mohana Sundaram a/l Vrejenan iaitu SP4 bertindak atas maklumat dan mengetuai anggota pasukannya untuk membuat pemerhatian dan pemantauan dari luar pintu pagar kecil yang terbuka sebelah kanan rumah di alamat No 23, Jalan Putra Permai 10/1L, Seksyen 10 Putra Height, di dalam Daerah Petaling, Negeri Selangor ('tempat kejadian'). SP4 serta anggota tangkapan telah melihat tertuduh dan tiga orang lelaki sedang duduk di kerusi di koridor rumah berdekatan dengan pintu gelongsor masuk ke rumah tersebut dan SP4 telah mengarahkan anggotanya untuk mengepung kawasan rumah tersebut. SP4 serta pasukan telah masuk melalui pintu pagar kecil rumah tersebut sambil memperkenalkan diri sebagai polis. SP4 telah menahan dan menjalankan pemeriksaan badan ke atas tertuduh tetapi tidak menjumpai apa-apa barang salah pada tertuduh. Kemudian tertuduh telah pandu arah SP4 dan anggota tangkapan ke bilik utama tingkat atas rumah tersebut dan tertuduh sendiri membuka pintu bilik tersebut. Tertuduh telah mengambil satu plastik tertulis 'Nationwide Express' ('P12') di bawah meja kecil di dalam bilik tersebut dan telah menyerahkan kepada SP4 dan hasil pemeriksaan plastik tersebut mendapati satu plastik lutsinar bertanda 'Reynolds' ('P13') yang mengandungi empat ketulan mampat daun kering disyaki ganja

F

G

H

I

masing-masing dibalut dengan plastik lutsinar. Menurut analisis yang dijalankan oleh ahli kimia iaitu SP1, didapati bahan ketulan mampat bahan tumbuhan tersebut merupakan kanabis iaitu dadah berbahaya seperti yang ditakrifkan di bawah s 2 Akta tersebut dan berat bersihnya sebanyak 992g. Pada kes pembelaan, pihak pembelaan telah menimbulkan persoalan-persoalan berikut iaitu: (a) tertuduh tidak mempunyai kawalan atau jagaan ekslusif dan juga pengetahuan berkaitan dadah kanabistersebut; dan (b) kegagalan pendakwaan memanggil penama kedua hingga keempat iaitu adik tertuduh bernama Muhammad Danial llmam bin Taha ('penama kedua'), Mohamad Afiq bin Mohamad Faudzi ('penama ketiga'), Christopher Adam Bridger ('penama keempat'), kakak tertuduh yang dikatakan tinggal bersama dan juga bapa tertuduh yang ditangkap bersama tertuduh telah memprejudiskan tertuduh dan meletakkan tertuduh di dalam keadaan yang merugikan.

Diputuskan, melepaskan dan membebaskan tertuduh:

(1) Berdasarkan analisis oleh SP1, bahan ketulan mampat tumbuhan tersebut adalah kanabis iaitu dadah berbahaya seperti yang ditakrifkan di bawah s 2 Akta dan berat bersihnya sebanyak 992g. Mahkamah telah menerima hasil analisis tersebut memandangkan ia tidak pernah dipertikaikan oleh pihak pembelaan. Selain itu, dadah yang dirampas tersebut sentiasa berada dalam simpanan semua saksi-saksi yang terlibat dan telah dicamkan oleh mereka sebagai barang yang sama yang dirampas daripada tertuduh. Mahkamah mendapati rantaian keterangan pengendalian barang kes dadah tersebut tidak pernah terputus (lihat perenggan 13–15).

(2) Perlakuan tertuduh yang telah membawa SP4 dan anggota serbuan ke biliknya serta membuka pintu bilik yang tidak berkunci dengan sendirinya dan mengambil satu bungkusan plastik bertulis 'Nationwide Express' dari bawah meja di dalam bilik tersebut jelas menunjukkan tertuduh mempunyai jagaan dan kawalan terhadap barang kes tersebut. Selain itu, keadaan yang telah mewajarkan mahkamah membuat inferens bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan mengenai dadah tersebut adalah bungkusan dadah tersebut telah diberikan oleh tertuduh kepada SP4 selepas tertuduh mengambil dadah tersebut dari bawah meja kecil berdekatan katil di dalam bilik tidurnya. Berdasarkan dapatan di atas, mahkamah mendapati tertuduh mempunyai pemilikan mens rea ke atas dadah dalam pertuduhan (lihat perenggan 17, 21 & 24).

(3) Tertuduh telah dibuktikan melakukan perbuatan 'concealing' dan 'storing' seperti definisi 'mengedar' apabila barang kes dadah dijumpai di dalam 'plastic courier' yang diambil oleh tertuduh dari bawah meja kecil di dalam biliknya dan diserahkan kepada SP4. Tambahan pula, kuantiti dadah yang amat besar iaitu 992g dapat mengundang inferens bahawa

dadah tersebut untuk tujuan pengedaran. Oleh itu, perbuatan mengedar di bawah s 2 Akta telah dibuktikan mengikut takrifan atau secara alternatifnya anggapan di bawah s 37(da)(vi) Akta juga dapat membuktikan kes prima facie atas pertuduhan mengedar dadah terhadap tertuduh (lihat perenggan 25–26 & 35).

(4) Perlakuan tertuduh yang membawa SP4 ke bilik tertuduh, membuka pintu bilik dan mengambil bungkusan 'plastic courier' 'Nationwide Express' di bawah meja serta menyerahkan kepada SP4 bukanlah satu pengakuan dan ianya adalah kelakuan tertuduh selepas ditahan yang relevan dan boleh diterima masuk sebagai keterangan. Walaupun bilik itu dikatakan dihuni oleh adik tertuduh bersama tertuduh, namun terdapat keterangan SP4 menunjukkan hanya tertuduh yang membuka pintu bilik dan mengambil bungkusan 'plastic courier' terbabit di bawah meja kecil di dalam bilik tersebut. Ini sudah cukup untuk menunjukkan tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan serta pengetahuan terhadap dadah berkenaan (lihat perenggan 31).

(5) Saksi-saksi yang perlu dipanggil bagi membuktikan kes pendakwaan adalah di dalam budi bicara pendakwaan tertakluk kepada beban pembuktian melampaui keraguan yang munasabah yang boleh ditimbulkan di dalam keterangan pembelaan. Elemen pertuduhan di dalam kes ini telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan dan kegagalan pendakwaan untuk memanggil saksi-saksi yang dinyatakan tersebut adalah tidak 'fatal' (lihat perenggan 34).

(6) Kegagalan pihak pendakwaan memanggil penama Muhammad Danial Ilman bin Taha iaitu adik tertuduh diakhir keseluruhan kes telah menimbulkan kelompongan di dalam kes pendakwaan kerana Danial adalah saksi yang sangat penting disebabkan dia berada di dalam bilik semasa pemeriksaan dan juga dari keterangan pendakwaan sendiri mengesahkan ditemui dadah jenis yang sama di dalam pemilikannya semasa dia diperiksa oleh pihak polis semasa serbuan dilakukan. Keterangan pembelaan yang menyatakan Danial dan kawan-kawannya ada naik ke atas dan masuk ke dalam bilik tersebut sebelum serbuan tidak dapat disanggah oleh pihak pendakwaan kerana tiada saksi dipanggil bagi mengesahkan sama ada hanya tertuduh sahaja yang mempunyai akses kepada bilik tersebut. Mahkamah mendapati tertuduh telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah atas kes pendakwaan. Oleh itu, pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes terhadap tertuduh melampaui keraguan munasabah (lihat perenggan 40–42).

[English summary

The accused in this case was charged under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act') involving the offence of trafficking dangerous drugs type cannabis weighing 992g. On 15 January 2015, Insp Mohana Sundaram

a/l Vrejenan that was SP4 acted on information and led the officers of his team to observe and monitor from the outside of a small gate to the right of the house at No 23, Jalan Putra Permai 10/1L, Section 10 Putra Height, within Petaling District, Selangor State ('scene'). SP4 and arresting officers saw the accused and three men were sitting on a chair at the corridor of a house near the sliding door into the house and SP4 had ordered the officers to surround the area. SP4 and the team had entered through the small gate of the house while introducing themselves as police. SP4 detained and conducted a body search on the accused but did not find any illegal item with the defendant. The defendant then guided SP4 and the arresting officers to the upper floor of the house and the suspect himself opened the door. The accused took a plastic written Nationwide Express ('P12') under a small table in the room and handed it to SP4 and upon inspection found a plastic marked Reynolds ('P13') containing four compressed lumps of dry leaf suspected marijuana each wrapped in transparent plastic. According to the analysis conducted by chemist that was SP1, it was found that the compressed lumps of dry leaf was cannabis which was a dangerous drug as defined under s 2 of the Act and its net weight of 992g. At the defence case, the defence raised the following questions: (a) the defendant had no exclusive control and custody as well as knowledge related to the cannabis drugs; and (b) the prosecution failed to call the second to fourth nominees which were the brother of the accused named Muhammad Danial llmam bin Taha ('second nominee'), Mohamad Afiq bin Mohamad Faudzi ('third nominee'), Christopher Adam Bridger ('fourth nominee'), the sister of the accused who was said to be living together and also the father of the accused who was arrested along with the defendant had prejudiced the accused and put the accused under detrimental circumstances.

Held, acquitting and discharging the accused:

(1) Based on the analysis by SP1, the compressed lumps of the plant are cannabis ie dangerous drugs as defined under s 2 Act and its net weight of 992g. The court had received the results of the analysis as it had never been disputed by the defence. Additionally, the seized drug was always in the possession of all the witnesses involved and had been identified by them as the same item seized from the accused. The court found that the chain of evidence of handling with drug case item was never broken (see paras 13–15).

(2) The action of the accused who had brought SP4 and raid officers to his room and opened the unlocked door by himself and picked up a plastic package written Nationwide Express from the bottom of the desk in the room clearly showed the accused had the custody and control of the case item. In addition, the court justified the case that the accused had knowledge of the drug was that the drug parcel was given by the accused to SP4 after the accused took the drug from the bottom of a small table near the bed in his bedroom. Based on the above findings, the court

found that the accused had the mens rea possession of the drugs in the charge (see paras 17, 21 & 24).

(3) The accused had been shown to do the act of 'concealing' and 'storing' as the definition of 'distributing' when a drug case item was found in the plastic courier taken by the accused from the bottom of a small table in his room and handed over to SP4. Furthermore, the huge quantity of 992g drugs could invite the inference that the drug was for distribution purposes. Therefore, the act of distributing under s 2 Act had been proved in accordance with the definition or alternatively presumption under s 37(da)(vi) of the Act may also prove a prima facie case for the charge of distributing drugs against the accused (see paras 25–26 & 35).

(4) The conduct of the accused guiding SP4 to his room, opening the door and taking the plastic courier Nationwide Express package under the table and handing over to SP4 was not a confession and it was a relevant conduct of the accused after arrest and could be accepted as evidence. Although the room was alleged to be inhabited by the accused's brother with the accused, there was evidence by SP4 showing that only the accused opened the door and took the plastic courier package under the small table in the room. This was enough to show that the accused had control and custody as well as knowledge of the drug (see para 31).

(5) The witnesses that needed to be called upon to prove the prosecution's case were at the discretion of the prosecution subject to the burden of proof beyond reasonable doubt that may arise in the defence's evidence. The element of the charge in this case had been proven by the prosecution and the failure of the prosecution to call the said witnesses was not fatal (see para 34).

(6) The failure of the prosecution to summon the nominee Muhammad Danial Ilman bin Taha that was the brother of the accused at the end of the case had given rise to a gap in the prosecution's case as Danial was a very important witness since he was in the room during the inspection and from the prosecution's own evidence confirmed the same type of drug in his possession while he was examined by the police during the raid. The defence's evidence which stated that Danial and his friends went up and coming into the room before the raid could not be denied by the prosecution as no witness was called to confirm whether only the accused had access to the room. The court found that the accused had succeeded in raising reasonable doubt over the prosecution's case. Therefore, the prosecution had failed to prove the case against the accused beyond reasonable doubt (see paras 40–42).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai kegagalan memanggil saksi penting, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 3580.

Untuk kes-kes mengenai pengedaran, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2018 Reissue) perenggan 886–1075.

Kes-kes yang dirujuk

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301, MP (dirujuk)
Junaidi bin Abdullah v PP [1993] 3 MLJ 217, MA (dirujuk)
Khoo Hi Chiang v PP and another appeal [1994] 1 MLJ 265, MA (dirujuk)
Leow Nghee Lim v R [1956] 1 MLJ 28 (dirujuk)
Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734, MR (dirujuk)
Mohamad Yazri bin Minhat v PP [2003] 2 MLJ 241; [2003] 2 CLJ 65, MR (dirujuk)
Mohd Fakri bin Mohd Rozali v PP and another appeal [2014] MLJU 1421; [2015] 1 CLJ 494, MR (dirujuk)
Ong Ah Chuan v PP [1981] 1 MLJ 64, PC (dirujuk)
PP v Abdul Rahman bin Akif [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337, MP (dirujuk)
PP v Denish a/l Madhavan [2009] 2 MLJ 194; [2009] 2 CLJ 209, MP (dirujuk)
PP v Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16 (dirujuk)
Sia Swee Siong v PP [2017] MLJU 462; [2017] 1 LNS 514, MR (dirujuk)
Siew Yoke Keong v PP [2013] 3 MLJ 630; [2013] 4 CLJ 149, MP (dirujuk)
Teh Geok Hock v PP [1989] 3 MLJ 162, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 37(d), (da)(vi), 37B(1)(b), 39B(1)(a)

Rozana bt Husin (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor) bagi pihak pendakwaan.
Mohd Radzlan bin Jalaludin (Abu Bakar & Yong) bagi pihak defendan.

Zulkifli Bakar H:

PENDAHULUAN

[1] Tertuduh di dalam kes ini dihadapkan dengan pertuduhan yang melibatkan kesalahan mengedar dadah berbahaya jenis *cannabis* seberat 992g dan pertuduhan ('P2') tersebut adalah seperti berikut:

Pertuduhan (P2):

> Bahawa kamu pada 15.01.2015 jam lebih kurang 12.30 pagi bertempat di No.23, Jalan Putra Permai 10/11, seksyen 10, Putra Heights, di dalam Daerah Petaling, di dalam Negeri Selangor, telah didapati mengedar dadah berbahaya jenis Cannabis seberat 992 gram. Oleh itu, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah

seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dihukum di bawah seksyen 39B(2) akta yang sama.

KES PENDAKWAAN

[2] Pada 15 Januari 2015 jam lebih kurang 12.15 pagi, Inspektor Mohana Sundaram a/l Vrejenan ('SP4') bertindak atas maklumat dan mengetuai anggota pasukannya untuk membuat pemerhatian dan pemantauan dari luar pintu pagar kecil yang terbuka sebelah kanan rumah di alamat No 23, Jalan Putra Permai 10/1L, Seksyen 10 Putra Height, di dalam Daerah Petaling, Negeri Selangor ('tempat kejadian').

[3] SP4 serta anggota tangkapan telah melihat tertuduh dan tiga orang lelaki sedang duduk di kerusi di koridor rumah berdekatan dengan pintu gelongsor masuk ke rumah tersebut, SP4 telah mengarahkan anggotanya untuk mengepung kawasan rumah tersebut. Selepas membuat pemerhatian selama 5–10 minit, SP4 serta pasukan telah masuk melalui pintu pagar kecil rumah itu sambil memperkenalkan diri sebagai polis.

[4] SP4 telah menahan dan menjalankan pemeriksaan badan ke atas tertuduh tetapi tidak menjumpai apa-apa barang salah pada tertuduh. Kemudian tertuduh telah pandu arah SP4 dan anggota tangkapan ke bilik utama tingkat atas rumah tersebut dan tertuduh sendiri membuka pintu bilik tersebut.

[5] Tertuduh telah mengambil satu plastik tertulis 'Nationwide Express' ('P12') di bawah meja kecil di dalam bilik tersebut dan telah menyerahkan kepada SP4 dan hasil pemeriksaan plastik tersebut mendapati satu plastik lutsinar bertanda 'Reynolds' (P13) yang mengandungi empat ketulan mampat daun kering disyaki ganja masing-masing dibalut dengan plastik lutsinar (P14(M2)–(M5)) dan jumlah anggaran berat ialah 1,060g.

[6] SP4 juga telah merampas pakaian tertuduh dan pakaian (P17(4–7)), Muhammad Danial Ilman bin Taha ('adik tertuduh') dari almari pakaian di dalam bilik tersebut. SP4 juga telah merampas satu bil Astro ('P21') atas nama tertuduh dan satu surat bertulis Utuh Sejagat Sdn Bhd ('P22') atas nama tertuduh daripada bilik itu. SP4 kemudiannya membawa tertuduh dan barang kes terlibat balik ke balai polis untuk tindakan lanjut.

[7] SP4 telah membuat repot polis sejurus tiba di Ibu Pejabat Polis Daerah Subang Jaya iaitu nombor repot Putra Heights/000152–154/15 ('P20') dan telah membuat timbangan barang kes disyaki dadah ganja sebelum menyerahkannya kepada pegawai penyiasat.

[8] Pada 15 Januari 2015 jam lebih kurang 2.15 pagi, Insp Rozlia bt Razali ('SP5') iaitu pegawai penyiasat kes ini telah dimaklumkan oleh SP4 berkenaan tangkapan tertuduh dan selepas itu SP5 bertemu dengan SP4 di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah (BSJND) Subang Jaya. Seterusnya pada jam lebih kurang 3.30 pagi, SP5 menerima tangkapan (tertuduh) dan barang-barang kes yang dirampas daripada SP4 (borang serah menyerah kedua-duanya bertarikh 15 Januari 2015 ditanda sebagai P23 dan P24).

[9] SP5 telah membuat penandaan ke atas barang-barang kes tersebut dan menyimpan barang-barang kes di dalam almari besinya yang mana hanya beliau seorang sahaja yang menyimpan kunci almari tersebut dan boleh mengaksesnya.

[10] Pada 17 Januari 2015, SP5 mengeluarkan barang-barang dari almari besi tersebut untuk dirakamkan gambar (P17(1–13)) oleh jurufoto Koperal Zulkifli bin Nordin ('SP3'). SP5 juga telah mengarahkan SP3 untuk mengambil gambar acu pakai pakaian (P18(1)–(6)) pada tertuduh dan adik tertuduh. SP4 kemudian menyimpan semula barang-barang kes ke dalam almari besi. Pada 21 Januari 2015, SP5 telah mengeluarkan barang kes dadah dari almari besinya dan masukkan ke dalam kotak bertanda 'RO3' ('P8') yang dimeteraikan dengan sil 'Polis Diraja Malaysia 712'.

[11] SP5 pada 21 Januari 2015 telah pergi ke Jabatan Kimia Malaysia, Petaling Jaya untuk menghantar barang kes tersebut untuk dianalisis. Ahli kimia yang menerima barang kes dadah tersebut adalah Dr Vanitha Kunalan ('SP1').

[12] Setelah analisis dijalankan, SP1 telah mengembalikan barang kes dadah di dalam empat peket plastik Jabatan Kimia Malaysia (P15(M2–M5)) dan barang-barang kes yang lain di dalam kotak asal yang diterima dengan bersil dan berlabel keselamatan Jabatan Kimia Malaysia bersama laporan kimia berkaitan (yang dirujuk sebagai P11) kepada SP5 pada 22 Mei 2015 jam lebih kurang 4 petang. Selanjutnya, SP5 membawa balik barang-barang kes tersebut dan membawanya ke stor barang kes di Ibu Pejabat Daerah Subang Jaya untuk disimpan. SP5 menyerahkan barang kes tersebut dalam keadaan baik dan sempurna kepada Sarjan Meor Zuhaimi bin Harim Osman ('SP2') iaitu penjaga stor sehinggalah dikemukakan di mahkamah ini.

DAPATAN MAHKAMAH INI DI AKHIR KES PENDAKWAAN

Jenis, berat dan rantaian keterangan pengendalian dadah

[13] Menurut analisis yang dijalankan oleh SP1, didapati bahan ketulan mampat bahan tumbuhan tersebut merupakan 'cannabis' iaitu dadah berbahaya seperti yang ditakrifkan di bawah s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 dan berat bersihnya sebanyak 992g (laporan kimia ditanda sebagai P11). Mahkamah ini menerima hasil analisis SP1 ke atas jenis dan berat dadah 'cannabis' dengan sepenuhnya seperti dalam pertuduhan memandangkan keputusan analisis yang diperolehi tersebut tidak pernah diragui dan dipertikaikan oleh pihak pembelaan (*Khoo Hi Chiang v Public Prosecutor and another appeal* [1994] 1 MLJ 265).

[14] Tambahan pula, mahkamah ini berpuas hati dengan keterangan SP1 yang menyatakan telah menyimpan barang kes dadah di dalam kabinet besi berkunci kepunyaannya di dalam bilik kebal dan senantiasa di bawah kawalan serta mengesahkan label-label keselamatan 'JABATAN KIMIA MALAYSIA' pada sampul plastic dan kotak yang mengandungi barang kes dadah tersebut dalam keadaan baik semasa penyerahan balik kepada SP5 dan disahkan dalam keadaan yang sama di dalam mahkamah ini, adalah mencukupi untuk menunjukkan rantaian keterangan pengendalian barang kes dadah tersebut tidak pernah putus.

[15] Justeru itu, tiada keraguan ditimbulkan lagi bagi dadah yang dirampas tersebut yang sentiasa berada di dalam simpanan semua saksi-saksi yang terlibat dan telah dicamkan oleh mereka sebagai barang yang sama yang dirampas daripada tertuduh seperti dikemukakan di mahkamah ini.

Tertuduh mempunyai milikan mens rea atas dadah

[16] Adalah undang-undang yang mantap bahawa elemen milikan mens rea hendaklah dibuktikan bahawa tertuduh bukan sahaja ada kawalan dan jagaan terhadap dadah tersebut tetapi juga mempunyai pengetahuan tentang kewujudan bahan dadah yang disimpan dalam sampul 'Nationwide Express' tersebut (*Leow Nghee Lim v R* [1956] 1 MLJ 28).

[17] Dalam keadaan kes ini, mahkamah ini bersetuju dengan hujahan Pendakwaan bahawasanya semasa tertuduh ditangkap oleh SP4 dan anggota serbuannya, perlakuan tertuduh yang telah membawa SP4 dan anggota serbuan ke bilik tertuduh di tingkat 2 rumah terbabit serta membuka pintu bilik yang tidak berkunci dengan sendirinya dan mengambil satu bungkusan plastik bertulis 'Nationwide Express' dari bawah meja di dalam bilik itu jelas menunjukkan tertuduh mempunyai jagaan dan kawalan terhadap barang kes

tersebut. Barang-barang peribadi tertuduh seperti pakaian (P26–P29), bil Astro atas nama tertuduh ('P21') dan surat dari Utuh Sejagat Sdn Bhd atas nama tertuduh ('P22') turut dijumpai di dalam bilik terbabit dan telah dirampas oleh SP4. Ini menunjukkan tertuduh mendiami bilik dan rumah tersebut. Fakta-fakta ini adalah menjadi keterangan bagi menunjukkan tertuduh mempunyai milikan fizikal terhadap dadah berbahaya itu dan tertuduh seorang sahaja yang menunjukkan kepada pihak polis di mana dadah terbabit berada. Mahkamah merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Denish a/l Madhavan* [2009] 2 MLJ 194; [2009] 2 CLJ 209 para 25 di mana Abdul Aziz Mohamad HMP mengatakan:

> [25] *We will go to a step further and say that, even where the respondent's statement to be overlooked, the fact that the respondent, in the circumstances that obtained, brought out from under the bed the bags containing the cannabis was itself sufficient as complete and direct proof that he had knowledge of the existence of the cannabis in the bags and was therefore in possession of it.* With such proof of knowledge, it is unavailing as a defence to suggest that the presence of the cannabis in the respondent's bags was the result, unknown to the respondent, the work of someone who had access to the house and the respondent's room. (Penekanan ditambah.)

[18] Mengenai elemen pengetahuan pula, pada hemat mahkamah ini, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan tertuduh mempunyai milikan dengan pengetahuan ke atas barang kes dadah tersebut kerana inferens boleh dibuat berdasarkan keterangan langsung kes seperti berikut:

(a) SP4 setelah masuk ke kawasan rumah tertuduh dan memperkenalkan diri sebagai anggota polis dan telah menjalankan pemeriksaan badan pada tertuduh tetapi tidak menjumpai apa-apa barang salah pada tertuduh. Setelah disoal, tertuduh mengatakan dia tinggal di rumah terbabit dan membawa SP4 ke biliknya di tingkat atas;

(b) setibanya di tingkat atas, tertuduh telah menunjukkan biliknya kepada SP4 dan tertuduh sendiri membuka pintu bilik tersebut. Pintu bilik tersebut tidak berkunci. Tertuduh telah mengambil satu plastik menyerupai plastik *courier service* dibawah meja kecil berdekatan dengan kawasan katil dan menyerahkan kepada SP4. Plastik *courier service* terbabit ada tulisan 'Nationwide Express'; dan

(c) di hadapan tertuduh, SP4 telah membuka plastik 'Nationwide Express' terbabit dengan tangan saja dan setelah diperiksa, di dalam plastik *courier* terbabit terdapat satu plastik lutsinar mengadungi empat ketulan mampat daun kering disyaki dadah jenis ganja. SP4 telah merampas plastik dan ketulan mampat daun kering terbabit. SP juga merampas bil Astro ('P21') dan sehelai surat yang tertera nama tertuduh ('P22').

[19] Mahkamah ini merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337 yang diputuskan oleh Ariffin

Zakaria KHN (sebagaimana beliau ketika itu) yang menyatakan fakta bahawa dadah yang dibungkus oleh surat khabar yang tidak boleh dilihat dari luaran tidak boleh dijadikan alasan untuk menghalang inferens yang boleh dibuat bagi menjurus kepada elemen pengetahuan tertuduh ke atas barang dadah itu.

[20] Selanjutnya, diputuskan di dalam kes *Abdul Rahman Akif* yang menyatakan berkaitan:

> [17] Therefore, *the presence of the three packages in the car without a plausible explanation from the respondent could give rise to a strong inference that he had knowledge that the packages contained drug* or things of similar nature. (See also *Lim Beng Soon v Public Prosecutor* [2000] 4 SLR 589). *We further agree with the prosecution that the fact that the drug was found wrapped in newspaper is no ground for saying that an inference could not be drawn against the respondent that he had the requisite knowledge*. In this regard it is pertinent to refer to the observation of the Singapore Court of Appeal in *Zulfikar bin Mustaffah v Public Prosecutor* [2001] 1 SLR 633 at p 639:
>
> > [21] For the element of 'possession' (within the meaning of s 17 of the Misuse of Drugs Act) to be established, it must not only be shown that the accused had physical control of the drugs at the relevant time; the prosecution must also prove that the accused possessed the requisite knowledge as to the contents of what he was carrying: see *Warner v Metropolitan Police Commissioner* [1969] 2 AC 256; *Tan Ah Tee & Anor v Public Prosecutor* [1980] 1 MLJ 49; [1978] 1 LNS 193; [1978–1979] SLR 211. *In the course of the appeal before us, counsel for the appellant relied heavily on the fact that the contents of the bundles were securely wrapped in newspapers and could not be identified. We were accordingly invited to draw the inference that the appellant had no knowledge of the contents of the bundles.*
> >
> > [22] *We were unable to accede to this request. While the fact that the contents of the bundles were hidden from view may have been relevant in determining whether the requisite knowledge was absent, this factor should still not be given too much weight. Otherwise, drug peddlers could escape liability simply by ensuring that any drugs coming into their possession are first securely sealed in opaque wrappings. Rather, the court must appraise the entire facts of the case to see if the accused's claim to ignorance is credible*. As Yong Pung How CJ remarked in *Public Prosecutor v Hla Win* [1995] 2 SLR 424 (at p 438):
> >
> > > *In the end, the finding of the mental state of knowledge, or the rebuttal of it, is an inference to be drawn by a trial judge from all the facts and circumstances of the particular case, giving due weight to the credibility of the witnesses.* (Penekanan ditambah.)

[21] Oleh itu di dalam keadaan kes ini keadaan yang telah mewajarkan mahkamah ini membuat inferens bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan mengenai dadah tersebut adalah bungkusan dadah tersebut telah diberikan oleh tertuduh kepada SP4 selepas tertuduh mengambil dadah terbabit dari bawah meja kecil berdekatan katil di dalam bilik tidurnya. Tertuduh sendiri yang telah membawa SP4 ke bilik terbabit dan membuka pintu bilik yang tidak

berkunci. Walaupun adik tertuduh, Muhammad Danial Ilman bin Taha turut serta ke bilik tersebut namun hanya tertuduh yang membuka pintu bilik dan telah mengambil dadah terbabit dari bawah meja. Melalui keterangan saksi pendakwaan yang dikemukakan, dadah tersebut dibungkus dengan plastik lutsinar dan diletakkan di dalam plastik *courier* 'Nationwide Express' yang tidak boleh diketahui kandungannya jika dilihat dari luaran dengan mata kasar. Inferens yang boleh dibuat adalah tertuduh mengetahui mengenai isi kandungan beg terbabit kerana hanya tertuduh sahaja yang menyerahkan plastik *courier* terbabit kepada SP4. Beg plastik *courier* terbabit juga boleh dibuka dengan tangan untuk dilihat kandungan di dalamnya (*Public Prosecutor v Denish a/l Madhavan* [2009] 2 MLJ 194; [2009] 2 CLJ 209).

[22] Mahkamah ini juga menimbangkan hujahan alternatif yang digunakan oleh pihak pendakwaan dalam membuktikan tertuduh ada pemilikan dengan pengetahuan ke atas dadah terkandung di dalam bungkusan plastik *courier* 'Nationwide Express' itu melalui penggunaan anggapan di bawah s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 melainkan dan sehingga tertuduh dapat menyangkal anggapan tersebut atas imbangan kebarangkalian.

[23] Walau bagaimanapun, mahkamah ini menekankan adalah mencukupi di dalam kes ini untuk pihak pendakwaan membuktikan tertuduh mempunyai pengetahuan ke atas kandungan dadah di dalam bungkusan plastik *courier* 'Nationwide Express' tersebut tanpa menggunakan anggapan statutori di bawah s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana didapati daripada fakta kes ini dengan hanya mengambil usaha yang kecil dan senang untuk mengesan dadah yang terkandung di dalam bungkusan plastik courier 'Nationwide Express' tersebut. Merujuk kepada kes *Sia Swee Siong v Public Prosecutor* [2017] MLJU 462; [2017] 1 LNS 514, Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

> [21] *However, what is pertinent is that the Federal Court went on to say that from the evidence it was clear that, from the manner the drugs were hidden, little effort was required to uncover what were in the 3 packages and as such it was held that possession was proven independent of the s 37(d) presumption.* (Penekanan ditambah.)

[24] Sebagai rumusannya, setelah membuat penilaian maksima ke atas keterangan dalam kes pendakwaan, Mahkamah ini mendapati tertuduh mempunyai pemilikan mens rea ke atas dadah dalam pertuduhan berdasarkan keterangan dan inferens seperti di atas dan secara alternatif jika digunapakai anggapan pengetahuan di bawah s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952, telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie bahawa tertuduh memiliki dadah tersebut dengan berpengetahuan.

Pengedaran dadah

[25] Mahkamah ini menerima pemakaian anggapan di bawah s 37(da)(vi) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang dibangkitkan oleh pendakwaan secara alternatif dengan maksud pengedaran seperti yang ditakrifkan di bawah s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk menyatakan tertuduh melakukan perbuatan mengedar dadah jenis *cannabis* berjumlah 992g tersebut.

[26] Setelah meneliti keterangan di dalam kes ini yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan, mahkamah ini membuat dapatan bahawa tertuduh telah dibuktikan melakukan perbuatan *concealing* dan *storing* seperti definisi 'mengedar' apabila barang kes dadah dijumpai di dalam plastik *courier* 'Nationwide Express' yang diambil oleh tertuduh dari bawah meja kecik di dalam bilik beliau dan diserahkan kepada pihak polis ('SP4') (*Teh Geok Hock v Public Prosecutor* [1989] 3 MLJ 162). Bukan itu sahaja, kuantiti dadah berbahaya yang amat besar yang disimpannya adalah tidak mungkin untuk kegunaan sendiri tetapi dapat mengundang inferens bahawa dadah itu untuk tujuan pengedaran dan perbuatan tertuduh ini telah tergolong sebagai mengedar di bawah s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi dadah tersebut (*Ong Ah Chuan v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 64; *Mohamad Yazri bin Minhat v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 241; [2003] 2 CLJ 65).

[27] Oleh itu, perbuatan 'mengedar' di bawah s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 telah dibuktikan mengikut takrifan atau secara alternatifnya anggapan di bawah s 37(da)(vi) Akta Dadah Berbahaya 1952 juga dapat membuktikan kes prima facie atas pertuduhan mengedar dadah tersebut terhadap tertuduh di dalam kes ini.

ISU-ISU YANG DITIMBULKAN

Isu Pertama: Tertuduh tidak mempunyai kawalan atau jagaan (eksklusif) dan juga pengetahuan berkaitan dadah cannabis tersebut.

[28] Peguambela bagi pihak tertuduh menimbulkan persoalan tentang ketiadaan amaran bertulis diberikan kepada tertuduh sebelum pemeriksaan dibuat terhadap bilik yang dikatakan milik tertuduh. Saksi pendakwaan SP4 di dalam keterangannya telah mengakui beliau tidak pernah memberikan amaran berkanun (*statutory caution*) kepada tertuduh sebelum dipandu arah oleh tertuduh. Peguambela menegaskan bahawa perlakuan tersebut adalah dikatakan sebagai pengakuan (*confession*) dan dengan ini amaran berkanun haruslah diberikan kepada tertuduh sebelum tertuduh mengambil dan menyerahkan dadah di bilik tersebut seperti yang diperuntukkan di bawah s 37B(1)(b) Akta Dadah Berbahaya 1952 (*Mohd Fakri bin Mohd Rozali v Public Prosecutor and another appeal* [2014] MLJU 1421; [2015] 1 CLJ 494).

Ketiadaan amaran berkanun menyebabkan keterangan saksi pendakwaan bahawa tertuduh yang menyerahkan plastik *courier* 'Nationwide Express' terbabit haruslah ditolak dan tidak diterima oleh mahkamah ini.

[29] Selain itu, peguambela juga menyatakan dari keterangan SP4 juga dapat dilihat pintu gelongsor rumah dan pintu bilik tertuduh tidak berkunci. Ini menimbulkan isu akses di mana bilik terbabit boleh diakses oleh sesiapa sahaja yang berada di dalam rumah atau dari luar rumah tersebut. Bilik itu juga dihuni oleh, Muhammad Danial Ilman bin Taha iaitu adik tertuduh yang tidak dipanggil untuk memberi keterangan. Tiada keterangan yang jelas bahawa hanya tertuduh dan adiknya sahaja yang tinggal di bilik tersebut. Bilik tersebut mungkin juga dihuni oleh orang lain. Tidak ada apa-apa keterangan langsung yang jelas untuk mengaitkan bahawa tertuduh mempunyai kawalan atau jagaan dan juga pengetahuan berkaitan dadah *cannabis* tersebut.

[30] Mahkamah ini bersetuju dengan pendakwaan bahawa perlakuan tertuduh memandu arah SP4 ke biliknya dan menyerahkan plastik *courier* terbabit bukanlah satu pengakuan tetapi adalah perlakuan oleh tertuduh yang relevan dan boleh diterima dalam keterangan seperti yang dinyatakan di dalam kes *Siew Yoke Keong v Public Prosecutor* [2013] 3 MLJ 630; [2013] 4 CLJ 149 yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan:

> *(1) The evidence of Siew leading PW6 and the police team to the first house and pointing to the place where the keys were found, and later pointing out the place where the key to the safe was found would also be relevant and admissible as conduct under s 8 of the Act (see para 28).* (Penekanan ditambah.)

[31] Untuk isu pintu gelongsor dan bilik yang tidak berkunci dan adik tertuduh juga mempunyai akses kepada bilik tertuduh, mahkamah ini bersetuju dengan pendakwaan bahawa perlakuan tertuduh yang membawa SP4 ke bilik tertuduh, membuka pintu bilik dan mengambil bungkusan plastik *courier* 'Nationwide Express' di bawah meja serta menyerahkan kepada SP4 bukanlah satu pengakuan dan ianya adalah kelakuan tertuduh selepas ditahan yang relevan dan boleh diterima masuk sebagai keterangan. Walaupun bilik itu dikatakan dihuni oleh adik tertuduh bersama tertuduh, namun terdapat keterangan SP4 menunjukkan hanya tertuduh yang membuka pintu bilik dan mengambil bungkusan plastic *courier* terbabit di bawah meja kecil di dalam bilik tersebut. Ini pada hemat mahkamah ini sudah cukup untuk menunjukkan tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan serta pengetahuan terhadap dadah berkenaan (*Public Prosecutor v Denish a/l Madhavan* [2009] 2 MLJ 194; [2009] 2 CLJ 209). Mahkamah ini mendapati dakwaan pihak pembelaan bahawa tertuduh tiada jagaan dan kawalan serta pengetahuan akan dadah terbabit adalah tidak bermerit.

Isu Kedua: Kegagalan pihak pendakwaan untuk mengemukakan saksi-saksi

penting iaitu, adik tertuduh bernama Muhammad Danial llmam bin Taha ('penama kedua'), Mohamad Afiq bin Mohamad Faudzi ('penama ketiga'), Christopher Adam Bridger ('penama keempat'), kakak tertuduh yang dikatakan tinggal bersama dan juga bapa tertuduh

[32] Pihak peguambela berhujah dalam kes ini bahawa kegagalan pendakwaan memanggil penama kedua hingga keempat yang ditangkap bersama tertuduh dan tidak juga memanggil kakak serta bapa tertuduh telah memprejudiskan tertuduh dan meletakkan tertuduh di dalam keadaan yang merugikan (*disadvantage*). Ini kerana saksi-saksi ini perlu dipanggil bagi membolehkan pendakwaan membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh bagi pertuduhan ini bahawa tertuduh adalah satu-satunya orang yang tinggal di bilik tersebut, orang lain tidak ada akses kepada bilik tersebut, hanya tertuduh sahaja yang mempunyai akses, kawalan dan jagaan barang-barang di dalam bilik tersebut dan penama kedua hingga keempat tidak pernah masuk ke dalam bilik tertuduh.

[33] Peguambela menghujahkan beban pembuktian adalah di pihak pendakwaan sepanjang perbicaraan dan di dalam kes ini, pendakwaan telah gagal membuktikan beban pembuktian bagi pertuduhan di sini.

[34] Mahkamah memutuskan bahawa saksi-saksi yang perlu dipanggil bagi membuktikan kes pendakwaan adalah di dalam budi bicara pendakwaan tertakluk kepada beban pembuktian melampaui keraguan yang munasabah yang boleh ditimbulkan di dalam keterangan pembelaan kelak. Pada hemat mahkamah ini, elemen pertuduhan di dalam kes ini telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan dan kegagalan pendakwaan untuk memanggil saksi-saksi yang dinyatakan tersebut adalah tidak *fatal*. Elemen kawalan, jagaan dan pengetahuan tentang dadah terbabit telah berjaya dipenuhi melalui keterangan saksi-saksi pendakwaan termasuklah keterangan mengenai perlakuan tertuduh sendiri (*Public Prosecutor v Denish a/l Madhavan* [2009] 2 MLJ 194; [2009] 2 CLJ 209).

KES PRIMA FACIE

[35] Setelah memberi pertimbangan kepada isu-isu yang ditimbulkan oleh pembelaan and keterangan diperingkat kes pendakwaan serta membuat penilaian secara maksima ke atas semua keterangan yang telah dikemukakan oleh pendakwaan, mahkamah ini membuat dapatan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie terhadap tertuduh ini atas kesalahan mengedar dadah berbahaya seperti dipertuduhkan (*Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734; *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; *Junaidi bin Abdullah*

v Public Prosecutor [1993] 3 MLJ 217) sebagaimana alasan yang dinyatakan sebelum ini.

[36] Isu-isu yang ditimbulkan oleh peguambela itu tidak boleh dipertimbangkan dan diterima diperingkat kes pendakwaan berdasarkan keterangan yang sedia ada. Namun akan diberi perhatian sekiranya terdapat keterangan lain di peringkat pembelaan kelak.

[37] Justeru itu, mahkamah ini memanggil tertuduh untuk membela diri atas pertuduhan P2 dan tertuduh telah memilih untuk memberikan keterangan secara bersumpah dari kandang saksi setelah tiga pilihan untuk membela diri diterangkan kepadanya secara terperinci dan tertuduh telah faham sepenuhnya.

KES PEMBELAAN

[38] Pihak pembelaan telah memanggil seramai empat orang saksi seperti berikut:

(a) tertuduh sendiri ('SD1');

(b) Mohd Zharif Ilman bin Taha iaitu adik tertuduh ('SD2');

(c) Dr Farhana Sarah Diyana bt Taha iaitu adik tertuduh ('SD3'); and

(d) Mohd Farid bin Ninam Shah iaitu kawan SD3 ('SD4').

[39] Keterangan pembelaan adalah seperti berikut:

SD1 di dalam keterangannya menyatakan:

(a) pada 14 Januari 2015, jam lebih kurang 10 malam, tertuduh berada bersama adiknya SD2 di rumah SD2 di Puchong. Jam lebih kurang 11 mlm, SD3 telah menelefon tertuduh dan meminta tertuduh serta SD2 pulang ke rumah keluarga mereka di Putra Height (tempat kejadian) untuk perbincangan hal keluarga mereka. Tertuduh telah berbincang dengan SD2 dan membuat keputusan untuk pulang pada malam itu juga. Tertuduh bersama SD2, isteri dan anak SD2 telah tiba ke tempat kejadian dalam jam lebih kurang 12 tengah malam;

(b) setibanya di rumah tersebut (tempat kejadian) tertuduh mengatakan terdapat banyak kereta diparkir di luar rumah, di bahagian tepi rumah tersebut. Tertuduh melihat ada beberapa orang lelaki duduk di kerusi bermeja di bahagian koridor. Tertuduh mengenali seorang daripada mereka iaitu adiknya Muhammad Danial Ilman bin Hj Taha dan dua orang lagi adalah rakan-rakan adiknya;

(c) tertuduh tidak terus masuk ke rumah dan berborak dengan adiknya Danial manakala SD2, isteri dan anaknya masuk ke dalam rumah. Tidak sampai sepuluh minit kemudian, beberapa orang lelaki menyerbu masuk ke kawasan rumah tempat sambil memberi amaran jangan bergerak dan mengacukan pistol sebelum mengenalkan diri mereka sebagai pihak polis;

(d) pihak polis melakukan pemeriksaan badan dan menjumpai sepeket barang salah yang disyaki dadah daripada poket seluar salah seorang kawan adik tertuduh. Tertuduh tidak pasti jika ada barang salah dijumpai pada badan adiknya. Pada badan tertuduh tidak dijumpai apa-apa barang salah;

(e) tertuduh memberitahu bahawa rumah tempat kejadian adalah rumah keluarganya dan dia tinggal di sini bersama bapa, ibu tiri, dua adik perempuan dan adiknya yang bernama Danial. Tertuduh mengatakan SP4 memohon kebenaran untuk masuk ke dalam rumah bagi melakukan pemeriksaan dan SP4 masuk bersama anggota polis ke dalam rumah berserta, tertuduh dan adiknya Danial;

(f) tertuduh mengatakan SP4 telah bertanya di mana bilik beliau dan tertuduh telah membawa SP4 ke biliknya di tingkat atas bersama-sama dengan Danial dan dua lagi anggota polis. Tertuduh telah membuka pintu bilik yang tidak berkunci. Tertuduh mengatakan rumah tempat kejadian dan biliknya itu kebiasaannya tidak berkunci. SP4 dan dua anggota polis membuat pemeriksaan di dalam bilik seolah-olah mencari sesuatu. Kemudian, tertuduh nampak SP4 dan dua anggota polis terbabit mengambil beberapa benda yang dia tidak pasti apa di bahagian katil kecil yang mempunyai cover coklat (P19) di gambar (16 dan 17). Tertuduh menafikan dia ada mengambil barang dadah dan memberikan kepada SP4;

(g) SP4 menunjukkan beberapa barang dan sebuah beg kepada tertuduh dan tertuduh mengatakan tidak tahu beg dan barang-barang tersebut kepunyaan siapa. Tertuduh juga memaklumkan bilik tersebut diinap oleh tertuduh, adiknya Danial dan SD2 jika SD2 pulang ke rumah sendirian tanpa isteri dan anak beliau. Bilik ini adalah dianggap sebagai bilik 'boys'. Bilik lain di tingkat atas terbabit diinap oleh kedua ibu bapa tertuduh dan adik-adik perempuan tertuduh di bilik yang satu lagi yang juga dipanggil sebagai bilik 'girls'. Dua lagi bilik di tingkat bawah pula, satunya dijadikan bilik serbaguna dan satu lagi adalah bilik yang sering digunakan oleh SD2 apabila dia pulang ke situ bersama isteri dan anaknya;

(h) SP4 telah meminta baju dan seluar dari tertuduh serta adiknya Danial dan kemudian membawa tertuduh turun ke bawah dan keluar ke kawasan koridor rumah di tempat kerusi meja tadi;

(i) tertuduh menyatakan dia tidak selalu berada di rumah tersebut kerana mempunyai rumah sewa sendiri di No 26, Jalan Putra 9/22, Putra Height dan kadang-kadang dia akan tidur di rumah adik beradik yang lain seperti di rumah SD2 atau di rumah kakak yang bernama Zatusy Syamami Ilyana bt Hj Taha. Tertuduh memaklumkan surat (P22) dan bil Astro (P21) atas nama beliau diambil oleh pihak polis di tepi tangga dekat bahagian sofa yang ada surat-surat seperti yang dapat dilihat di gambar P19(9);

(j) selepas itu, SP4 telah memaklumkan tertuduh mengenai penemuan dadah jenis ganja dan telah menggari tertuduh bersama tiga yang lain dan dibawa masuk ke dalam kereta milik kawan Danial iaitu kereta jenis BMW dan dibawa ke balai polis untuk soal siasat;

(k) pada jam lebih kurang 10 malam tarikh kejadian, SD2 mengesahkan terima panggilan telefon daripada SD3 meminta dia dan tertuduh pulang ke rumah keluarga (rumah tempat kejadian) untuk berbincang mengenai harta pusaka arwah ibunya. SD2, isteri dan anak kecilnya pulang ke rumah tempat kejadian bersama tertuduh dan tiba di sana pada jam lebih kurang 11.30 malam. SD2 ada melihat Danial dan dua kawannya berada di luar rumah tersebut. SD2 mengesahkan bilik yg dikatakan dijumpai dadah adalah bilik adik beradik lelaki dan beliau juga menginap di bilik itu apabila pulang sendirian ke rumah tersebut. Danial dan kawan-kawannya juga kerap keluar masuk ke dalam bilik tersebut. Akses untuk orang lelaki sahaja. Barang-barang peribadi serta pakaiannya juga ada dalam blik tersebut. Rumah dan bilik tersebut boleh di akses oleh semua ahli keluarga dan kenalan mereka;

(l) keterangan SD3 pula mengesahkan semua perkara yang dinyatakan oleh SD2. SD3 berada di dalam rumah pada masa dan tarikh kejadian dan mengesahkan bahawa Danial dan dua orang kawannya ada di luar rumah di meja yang berada di koridor rumah. SD3 ada melihat Danial dan kawan-kawannya ada keluar masuk ke dalam rumah dan ada turun naik ke tingkat atas tapi tak pasti berapa kali dan ini berlaku pada jam lebih kurang 11.15 malam itu. Semasa serbuan, SD3 ada melihat tertuduh, Danial dan beberapa orang polis ada naik ke tingkat atas; dan

(m) SD4 pula adalah bukan ahli keluarga tertuduh tetapi adalah kawan kepada SD3 dan kenal seluruh ahli keluarga tertuduh. SD4 kerap ke rumah tempat kejadian dan mengesahkan pintu pagar rumah tidak berkunci dan pintu grill masuk ke dalam rumah itu juga seringkali tidak berkunci. SD4 biasa masuk ke dalam rumah itu dan juga masuk ke dalam bilik tertuduh di tingkat atas. SD4 mengesahkan dia biasa masuk ke dalam bilik itu untuk bersembang dan merokok bersama tertuduh, Danial dan SD2. SD4 selalu pergi ke rumah itu pada penghujung tahun 2014 dan awal tahun 2015. Namun pada tarikh kejadian SD4 tidak ada pergi ke rumah tersebut.

DAPATAN MAHKAMAH DI AKHIR KES PEMBELAAN

Tertuduh tiada berpengetahuan mengenai dadah yang dijumpai

[40] Mahkamah ini telah menghalusi dan mengamati keterangan pembelaan tersebut di samping menimbangkan semula keterangan yang dikemukakan di peringat kes pendakwaan dan telah mendapati keterangan pembelaan telah dapat menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan jika diasaskan kepada takrifan 'mengedar' di bawah s 2 Akta Dadah Berbahaya atau secara alternatifnya jika diguna pakai anggapan di bawah s 37(d) dan (da) Akta Dadah Berbahaya pembelaan telah berjaya menyangkalnya atas imbangan kebarangkalian dalam aspek mens rea pemilikan dan pengedaran. Dengan yang demikian, pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah atas alasan-alasan yang dizahirkan seperti berikut:

(a) kegagalan pihak pendakwaan memanggil penama Muhammad Danial Ilman bin Taha iaitu adik tertuduh kini diakhir keseluruhan kes telah menimbulkan kelompongan di dalam kes pendakwaan kerana Danial adalah saksi yang sangat penting disebabkan dia berada di dalam bilik semasa pemeriksaan dan juga dari keterangan pendakwaan sendiri mengesahkan ditemui dadah jenis yang sama (seperti di dalam pertuduhan ini) di dalam pemilikannya semasa dia diperiksa oleh pihak polis semasa serbuan itu. Begitu juga seorang kawannya ada memiliki jenis dadah yang sama semasa pemeriksaan polis. SD3 juga ada memberi keterangan bahawa dia ada melihat Danial dan kawan-kawannya ada beberapa kali masuk ke dalam bilik 'boys' yang diinap oleh Danial dan tertuduh sebelum kejadian. Fakta ini tidak dipatahkan dari awal oleh pendakwaan kerana Danial dan rakan-rakannya yang berada di tempat kejadian tidak dipanggil oleh pendakwaan yang mengakibatkan tidak dapat menyangkal ada kemungkinan dadah dalam pertuduhan ini adalah milik Danial atau kawan-kawanya dan bukan milik OKT yang tiada disitu masa polis membuat pemerhatian;

(b) selain itu, walaupun terdapat sedikit percanggahan keterangan di antara tertuduh, SD2 dan SD3, namun hal itu tidaklah serius kerana isu yang lebih penting di sini adalah akses kepada bilik yang dikatakan menjadi tempat kejadian. Keterangan tertuduh, SD2, SD3 dan SD4 adalah konsisten dengan mengesahkan bahawa rumah di mana tempat kejadian ini berlaku lazimnya tidak berkunci jika ada orang di rumah dan boleh diakses bukan sahaja oleh ahli keluarga yang tinggal di sana dan mempunyai kunci rumah tetapi juga boleh diakses oleh jiran, saudara mara dan juga kawan-kawan Danial dan SD4. Malahan bilik tertuduh juga tidak berkunci dan Danial serta SD2 turut tinggal di bilik terbabit berdasarkan keterangan saksi-saksi pembelaan dan terbukti barang-barang Danial dan SD2 juga ada di dalam bilik tersebut; dan

(c) pada hari kejadian terdapat keterangan pendakwaan dan pembelaan bahawa Danial dan kawan-kawannya berada di rumah tersebut. Malah keterangan pembelaan melalui SD3 menyatakan Danial dan kawan-kawannya itu ada naik ke atas dan masuk ke dalam bilik tersebut sebelum pihak polis membuat serbuan dan pemeriksaan. Keterangan ini tidak dapat disanggah oleh pihak pendakwaan kerana tiada saksi dipanggil bagi mengesahkan sama ada hanya tertuduh sahaja yang mempunyai akses kepada bilik tersebut. Mahkamah merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16 di mana ianya diputuskan:

> Held:
>
> (1) *it is the duty of the prosecution to prove the charge against the accused beyond all reasonable doubt* and the court is not entitled merely for the sake of the joy of asking for an explanation or the gratification of knowing what the accused have got to say about the prosecution evidence to rule that there is a case for the accused to answer. *The proof of a case against the accused depends for its support not upon the absence or weakness of the explanation, on his part but on the positive affirmative evidence of his guilt given by the prosecution*;
>
> (2) *a conviction cannot be sustained even if the court is satisfied that the prosecution story 'may be' true unless and until it is found that the prosecution story 'must be true'. The burden of proof remains on the prosecution throughout the trial. The falsity of the defence does not relieve the prosecution from proving the prosecution case beyond reasonable doubt;* (Penekanan ditambah.)

[41] Dari penilaian seperti di atas dan setelah memberi pertimbangkan kepada keseluruhan keterangan dalam perbicaraan ini, iaitu keterangan pembelaan dan meneliti kembali keterangan pendakwaan, mahkamah ini mendapati tertuduh telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah atas kes pendakwaan atau jika anggapan pengetahuan terpakai, telah berjaya menyangkal atas imbangan kebarangkalian anggapan pengetahuan di bawah s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 dalam aspek akses kepada bilik yang dijumpai dadah dan pemilikan dengan pengetahuan ke atas dadah tersebut. Dalam situasi ini adalah tidak selamat untuk mensabitkan tertuduh atas pertuduhan dalam kes ini. Namun, mahkamah ini mendapati daripada keseluruhan keterangan yang ada dalam kes ini, anggapan di bawah s 37(d) dan 37(da) Akta Dadah Berbahaya tidak wajar diguna pakai dan dengan fakta yang ada di dalam kes ini beban pembuktian atas tertuduh hanyalah menimbulkan keraguan yang munasabah dan tertuduh telah berjaya melakukan sedemikian.

KEPUTUSAN MAHKAMAH INI

[42] Atas alasan-alasan yang diperincikan tersebut, mahkamah ini memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes terhadap tertuduh melampaui keraguan yang munasabah.

[43] Maka dengan ini, mahkamah ini melepaskan dan membebaskan tertuduh daripada pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan.

Dilaporkan oleh Mohd Kamarul Anwar